

Sawah tenggelam dapat bantuan kerajaan

SUNGAI BESAR 9 Nov. - Masalah sawah tenggelam yang dihadapi petani di sekitar kawasan Parit Dua hingga 12 di sini mendapat perhatian Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Johari Baharum yang menjanjikan bantuan kepada yang terlibat.

Johari telah meminta Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JKKKP) untuk mengenal pasti sawah yang terlibat dengan masalah kerosakan padi akibat ditenggelami air.

“Kami berjanji masalah ini akan diselesaikan. JKKKP akan membuat bancian dan petani perlu ikhlas untuk mengisi borang, jangan isi borang kalau tidak terlibat dengan masalah ini.

“Kemudian pegawai di Jabatan Pertanian dan Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) akan membuat pemantauan untuk pengesahan dan kami akan membuat laporan serta permohonan peruntukan kepada Majlis Keselamatan Negara (MKN),” katanya.

Beliau berkata demikian ketika melawat kawasan sawah yang di-

tenggelami air sehingga menyebabkan ada di kalangan petani terpaksa menanggung kerugian di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Setiausaha Politik kepada Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mohammad Shafie Asnawi; Ahli Parlimen Sabak Bernam, Datuk Abd. Rahman Bakri; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sabak, Datuk Warno Dogol; Pengerusi Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Sungai Besar; Datuk Ramli Norani dan wakil daripada jabatan terlibat.

Difahamkan, akibat ditenggelami air ini, kerosakan padi berlaku di peringkat awal iaitu antara satu hingga 40 hari dan mengikut kadar setiap hektar sawah yang terlibat akan menerima RM876 dalam tempoh sebulan.

Hampir 400 lot sawah ditenggelami air sejak beberapa hari lalu dan ada di antaranya tenggelam sejak 20 hari lalu.

Bagaimanapun, menurut Johari, keadaan hujan yang berterusan menyebabkan usaha untuk mengeringkan sawah sukar dilakukan.



JOHARI Baharum (kiri) dan Warno Dogol (dua dari kiri) meninjau keadaan sawah yang tenggelam ketika melawat ke Parit Dua hingga 12 Sungai Besar baru-baru ini.